

## AKHBAR : SINAR HARIAN

## Rumah terbuka bukan pembaziran

Jamuan hari raya jadi medium pemimpin bertemu, beramah mesra bersama rakyat

■ HAFEZDULLAH HASSAN

**SHAH ALAM** – Majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri anjuran wakil rakyat di negeri ini bukan satu pembaziran.

Adun Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, rumah terbuka memberi peluang kepada rakyat untuk mesyuarat Aidilfitri dengan lebih bermakna dalam keadaan suasana ekonomi yang tidak menentu dan kos sara hidup yang meningkat.

"Banyak keluarga yang tidak dapat menikmati juadah istimewa yang lazimnya dihidangkan pada hari raya dan ramai yang berharap majlis rumah terbuka tersebut," katanya.

Beliau berkata, rumah terbuka mungkin dianggap membazir dan kurang bermakna bagi mereka yang sering menikmati hidangan istimewa.

"Bagi rakyat marhaen pula,

mereka menganggap rumah terbuka ini sebagai satu-satunya saat kegembiraan bagi mereka sekeluarga.

"Rumah terbuka juga memberi peluang kepada rakyat untuk beramah mesra dengan pemimpin, sekali gus mesyuarat hubungan silaturahmi antara mereka.

Adun Taman Templet, Mohd Zaidy Abdul Talib berkata, beliau tidak melihat rumah terbuka wakil rakyat sebagai satu pembaziran, sebaliknya ia ruang pemimpin bermesra bersama rakyat.

"Saya tak pasti dari sudut mana pembaziran itu berlaku kalau ada golongan yang mengatakan rumah terbuka wakil rakyat ini membazir.

"Bagi saya, membazir itu kalau kita buat perkara yang tak berfaedah dan buang makanan begitu sahaja. Sedangkan rumah terbuka ini kita men-

jemput orang ramai menjamu selera," katanya.

Menurutnya, rumah terbuka adalah ruang untuk pemimpin merayakan dan menghargai rakyat yang juga pengundi mereka.

"Dalam suasana Aidilfitri juga hubungan menjadi lebih rapat kerana sebelum ini kita perlukan masa yang sesuai untuk bertemu rakyat," katanya.

Adun Paya Jaras, Khairuddin عثمان berkata, rumah terbuka adalah majlis yang diamalkan semua perayaan dan dihadiri pelbagai kaum.

"Konsep rumah terbuka memberi peluang rakyat bertemu dengan pimpinan tempatan dan kanak-kanak gembira menerima hadiah 'duit raya'.

"Tidak timbul soal pembaziran kerana setiap tahanan penyediaan juadah makanan habis licin," katanya.

Abli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi berkata, rumah terbuka adalah platform untuk orang ramai saling kunjung-mengunjungi dan bertemu mesra dengan rakan ataupun rakyat.

"In juga hari yang khusus untuk kita menghargai pengundi dan bertemu mesra tanpa protokol dan sebab selain untuk melawat," katanya.

Beliau yang juga Adun Sungai Panjang berkata, pembaziran hanya akan berlaku sekiranya sambutan rumah terbuka dilaksanakan tidak mengikut kewajaran.

"Pembaziran itu adalah tingkah laku dan mengamuk pelbagai aspek seperti bermewah-mewahan.

"Perkara ini kita boleh elakkan dengan mengawal tingkah laku serta memastikan sambutan diadakan seadanya yang ada," katanya.



**“** Bagi saya, membazir itu kalau kita buat perkara yang tak berfaedah dan buang makanan begitu sahaja. Sedangkan rumah terbuka ini kita menjemput orang ramai menjamu selera.” - Zaidy